

29/2/72.

Ucapan : ADHO

510

129/80

Uchapan Yang Berhormat Enche Hussein Onn
Menteri Pelajaran Malaysia, di-Majlis
Pameran Poster dan Penyampaian Hadiah
Pertandingan Poster Tahun Buku Antarabangsa
1972, Pada 29hb. Februari, 1972 Pukul
3.00 petang.

Tuan Pengerusi Majlis,

Tuan Yang di-Pertua Persatuan Perpustakaan Malaysia,

Yang Berhormat2, Tuan2 dan Puan2 sakeliam.

Saya sangat berbesar hati menerima jemputan tuan2
untuk hadir dan merasmikan pembukaan pameran poster, serta
menyampaikan hadiah kepada pemenang2 dalam pertandingan Poster
Tahun Buku Antarabangsa, pada petang ini. Saya telah
diberitahu, pertandingan Poster Tahun Buku Antarabangsa
anjuran Persatuan Perpustakaan Malaysia ini, telah mendapat
sambutan yang sangat memuaskan. Sebagai bakti-nya, pada hari
ini, kita dapat menyaksikan sebahagian daripada karya2 yang
bermutu tinggi, selain daripada poster2 yang telah berjaya
dalam pertandingan tersebut. Saya suka mengambil peluang
ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada peserta2
yang berjaya, dan kepada pelukis2 yang poster-nya di-pamerkan
pada hari ini, dan juga kepada Persatuan Perpustakaan
Malaysia atas usahanya mengadakan pertandingan ini. Kepada
peserta2 yang kurang bernasib baik, saya harap mereka jangan-
lah hendak-nya berputus asa dan chubalah lagi dalam per-
tandingan2 yang akan datang.

Di-dalam zaman sains dan teknologi ini, poster dan iklan memainkan peranan yang besar dalam penghidupan kita hari2. Di-mana2 pun, baik di-peti talivishen, di-layar perak dan di-merata dinding, kita dapati poster2 chuba menarik perhatian kita. Berbagai2 daya di-gunakan untuk menarik perhatian kita itu, umpama-nya dengan gambar2 yang menjolok mata, ^{atau menyakit mata} seperti gambar wanita dengan pakaian yang serba kurang, hingga kepada gambar2 yang menggelikan hati. Dari itu, saorang pelukis dengan sechara tidak langsung, adalah memainkan peranan yang penting dalam membentuk pemikiran dan perasaan rakyat jelata.

Oleh yang demikian saya berharap, pelukis2 tanah ayer kita, hendak-nya, selain daripada berusaha untuk meninggikan lagi mutu karya mereka supaya setanding atau kalau boleh, lebih baik daripada pelukis2 luar negeri, tidak lupa menchuba memberikan gambaran yang sesuai dengan penghidupan rakyat negara ini dalam karya2 mereka. Saya yakin pelukis2, melalui karya-nya, bukan sahaja boleh menarek perhatian orang ramai kapada sesuatu yang di-gambar-kan-nya, bahkan boleh membentuk pemikiran dan pemandangan mereka. Oleh yang demikian, saya berharap pelukis2 tanah ayer akan menchuba menanamkan semangat perpaduan dan kerjasama rakyat negara ini, melalui karya mereka dengan berdasar-kan Rukun Negara, di-samping menyampaikan sesuatu tujuan yang di-gambarkan-nya.

Dengan chara ini, saya perchaya pelukis2 sekalian akan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam pembangunan negara kita. Misal-nya, gambaran penduduk Malaysia hendaklah menunjukkan rakyat Malaysia sabenar-nya dan penggunaan Bahasa Malaysia hendaklah di-utamakan.

Tuan² rekalian.

Berpaling kapada perkara Tahun Buku Antarabangsa yang di-lancharkan semalam dan yang sedang kita rayakan ini, suka saya menyatakan bahawa Jawatankuasa Kebangsaan Tahun Buku Antarabangsa, yang di-pengerusikan oleh Tuan Haji Sujak Rahiman, telah pun meranchangkan beberapa aktiviti dan ranchangan di-sepanjang perayaan tahun buku ini, yang mana akan melibatkan seluruh rakyat di-negara ini. Kementerian saya sendiri telah pun meranchangkan beberapa aktiviti, yang akan melibatkan murid2 dan guru2 di-seluruh tanah ayer, di-peringkat daerah, peringkat negeri dan di-peringkat kebangsaan.

Di-sini saya suka menegaskan, betapa penting-nya peranan tiap2 rakyat Malaysia seluruh-nya dalam menjayakan aktiviti yang di-ranchangkan itu, supaya terchapai kelak matlamat besar tahun ini, ia-itu menggalakkan pembachaan di-kalangan rakyat negara ini seluruh-nya. Saya suka menyampaikan setingi2 tahniah kapada Tuan Haji Sujak dan Ahli2 Jawatankuasa-nya, yang telah meranchangkan achara2 yang sangat sesuai dan menarik, di-sepanjang perayaan ini. Saya harap persatuan2 dan badan2 berkenaan, dan orang ramai juga, akan memberikan kerjasama mereka yang penoh untuk menjayakan ranchangan2 itu.

Tujuan utama Tahun Buku Antarabangsa ini, ialah menggalakkan semangat suka membacha. Disini perpustakaan2, saya rasa, boleh memainkan peranan yang penting. Perpustakaan di-sekolah2 ialah ^{perkara} sesuatu yang fundamental dan mustahak, bagi mengujudkan pelajaran yang bermutu atau "quality education". Perpustakaan2 ini memainkan peranan yang tertentu dalam pelajaran anak2 kita, terutama sekali dalam usaha kita hendak membentuk kebiasaan suka membacha.

Kementerian saya sedar atas kepentingan perpustakaan2 di-sekolah dalam penghidupan kanak2, dan memanglah menjadi dasar Kementerian saya menggalakkan penubuhan perpustakaan2 di-sekolah dan membaiki perkhidmatan-nya. Sejajar dengan dasar ini, tujuh jawatan Pengelola Perpustakaan Sekolah, Negeri2 telah di-adakan baharu2 ini. Dengan langkah ini, di-harapkan pembangunan perpustakaan sekolah akan dapat di-beri perhatian dan pengelolaan yang sebaik-baik-nya.

Perpustakaan memanglah suatu perkara yang memerlukan perbelanjaan yang banyak. Kementerian saya tidak dapat mengadakan segala2 keperluan itu, tetapi saya harap pehak ibubapa dan orang ramai akan memberikan sokongan mereka dalam usaha ini. Wang ringgit sahaja tidak memadai, kita perlukan juga inisiatif dan chara pemikiran yang positif dari pehak guru2, ibubapa dan persatuan2 ikhtisas seperti

Persatuan Perpustakaan Malaysia. Saya harap mereka ini akan menyokong dan membantu kita untuk membaiki keadaan perpustakaan di-sekolah2 supaya anak2 kita berpeluang mendapat didikan sebaik-baik-nya melalui buku.

Saya telah di-beritahu bahawa beberapa buah persatuan2 yang ada hubongan-nya dengan buku dan badan2 lain, telah menyumbangkan tenaga dan bekerjasama untuk menjayakan Tahun Buku Antarabangsa ini.

Saya suka menyampaikan ucapan terima kaseh kepada semua persatuan2 dan badan2 itu, dan juga kepada yayasan2, pehak swasta dan orang2 persaorangan, yang telah memberi dan akan memberi sumbangan dan kerjasama mereka bagi menjayakan Tahun Buku Antarabangsa ini.

Bagitu juga saya tidak lupa menyampaikan setingi2 tahniah dan ucapan terima kaseh saya kepada Persatuan Perpustakaan Malaysia, yang telah menganjurkan pertandingan poster ini, dan mengendalikan pameran yang dapat kita saksikan bersama pada hari ini.

Dengan ini saya dengan amat sukachita-nya mengistiharkan ^{sembukaan} /pameran poster Tahun Buku Antarabangsa 1972. ~~ini di-buka.~~



